

SEKOLAH PERUBATAN JANA MODAL INSAN KREATIF DAN KRISIS



Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah bersedia untuk membuka ruang kepada para siswazah dalam memartabatkan ilmu menuju horizon pemikiran yang lebih kreatif dan kritis ke arah melahirkan graduan yang liberal dan berciri global dalam bidang perubatan. Mula ditubuhkan pada tahun 2003 bersama Dekan perintisnya, Profesor Dr Osman Ali, sokongan padu pihak pengurusan dan kakitangan sekolah telah berjaya memastikan sekolah ini dapat memulakan sesi pengajaran dengan menerima 32 orang pelajar tahun pertama pada Jun 2003.

Keteguhan fikiran warga sekolah telah menyumbangkan banyak pencapaian yang boleh dibanggakan. Diantaranya ialah persidangan "International Conference on Rural Medicine (ICORM)" yang diadakan setiap dua tahun sekali. Persidangan ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan diplomatik sesama negara, malah turut meningkatkan

kesedaran kepada masyarakat mengenai transformasi yang perlu dilakukan untuk menjana kesihatan luar bandar khususnya pada zaman ekonomi yang mencabar ini. Selain itu, projek inovasi yang dihasilkan oleh kakitangan juga menunjukkan pencapaian yang membanggakan melalui kejayaan merangkul beberapa anugerah dalam Pertandingan Penyelidikan & Reka Cipta (PEREKA) dan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK). Antara pencapaian tersebut termasuklah Program Perkongsian Universiti-Keluarga (PUPUK), projek Sterilization & Scrubbing Protection Sensor (SPS) serta projek inovasi "Kelewatan Penyediaan Peralatan Klinikal - Troli Dinamik".

Disamping itu, Sekolah Perubatan juga aktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dalam usaha meningkatkan lagi taraf kesihatan di negeri ini khususnya kepada masyarakat di kawasan luar bandar.

Pada tahun 2011 sahaja, seramai 16 orang pensyarah giat melakukan penyelidikan dalam program kesihatan dan bioperubatan ke arah melahirkan graduan perubatan UMS mempunyai kepakaran yang tinggi dan mampu melaksanakan tanggungjawab sebagai ahli perubatan yang cemerlang.

Mahasiswa dan mahasiswi Sekolah Perubatan sememangnya mempunyai peluang kerjaya yang amat cerah. Mengikut kelulusan dan bidang pengajian mereka, graduan boleh menawarkan diri untuk menjadi pegawai perubatan, jururawat dan Juruteknologi Makmal Perubatan (MLT) sama ada di pusat kesihatan kerajaan ataupun swasta. Peluang pekerjaan ini mendapat sokongan kerajaan Malaysia yang bakal membina lebih banyak hospital dan klinik di seluruh negara pada masa akan datang demi kesihatan rakyat sejagat. Dengan hanya 30 orang siswazah yang berkonvo pada tahun 2008, jumlah graduan Sekolah Perubatan meningkat kepada 136 orang pada tahun 2011 daripada 270

orang keseluruhan graduan setakat ini.

Dalam memastikan keselesaan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswinya, sekolah ini beroperasi melalui lima buah blok bangunan dengan menempatkan tujuh Jabatan Perubatan, Bangunan Fasilitas Bersepadu dan Bangunan Pentadbiran dengan keluasan 32,000 meter persegi. Ia juga mempunyai blok-blok klinikal yang bertempat di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, Riverside

Kingfisher dan Hospital Duchess of Kent Sandakan. Sekolah perubatan ini juga turut dilengkapi dengan gimnasium, perpustakaan, kafeteria, surau, makmal komputer, makmal penyelidikan dan dewan kuliah beserta kamera litar tertutup (CCTV) untuk kegunaan para pelajar dan kakitangannya. Untuk perkhidmatan pula, sekolah mewujudkan Poliklinik UMS di Riverside King Fisher, muzium plastinasi serta Pusat Penyelidikan Perubatan Desa, Sikuati Kudat.

